

MIZOSIN TABLET

Prazosin Hydrochloride

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MIZOSIN TABLET
2. Bagaimana MIZOSIN TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan MIZOSIN TABLET
4. Cara menggunakan MIZOSIN TABLET
5. Semasa menggunakan MIZOSIN TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MIZOSIN TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan MIZOSIN TABLET

MIZOSIN TABLET digunakan untuk merawat hipertensi (tekanan darah tinggi), hiperplasia benigna prostatic atau BPH (sejenis penyakit prostat pada lelaki warga emas di mana kelenjar prostat membesar akibat peningkatan usia) di kalangan lelaki yang menjalani pembedahan, penyakit Raynaud (jari-jari tangan menjadi pucat dan sakit apabila sejuk) dan sesetengah jenis kegagalan jantung.

Bagaimana MIZOSIN TABLET berfungsi

MIZOSIN TABLET terdiri daripada bahan aktif Prazosin Hydrochloride.

MIZOSIN tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil penghalang alfa. Ia berfungsi dengan merehatkan dinding saluran darah dan mengurangkan rintangan terhadap pengaliran darah. Ia juga melegakan masalah prostat

dengan merehatkan otot-otot di dalam kelenjar prostat dan meningkatkan pengaliran air kencing.

Sebelum menggunakan MIZOSIN TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil MIZOSIN TABLET jika anda mempunyai masalah kesihatan seperti berikut melainkan dinasihati sebaliknya oleh doktor anda:

- Sekiranya anda hipersensitif, atau mempunyai reaksi alergik kepada Prazosin, atau mana-mana bahan lain dalam ubat ini.

- Sebelum menggunakan MIZOSIN TABLET

Sebelum mengambil MIZOSIN TABLET, anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami atau pernah mengalami:

- Anda hamil atau menyusukan bayi atau merancang untuk hamil atau menyusukan bayi.
- Anda mempunyai penyakit jantung seperti kegagalan jantung atau angina (sakit dada)
- Anda mempunyai penyakit hati atau buah pinggang

Kehamilan

MIZOSIN TABLET tidak disyorkan untuk digunakan ketika hamil.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil MIZOSIN TABLET.

Sebelum menggunakan MIZOSIN TABLET adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, yang diperoleh

dengan atau tanpa preskripsi doktor.

Beberapa ubatan tidak disyorkan untuk diambil bersama MIZOSIN TABLET. Beritahu doctor atau ahli farmasi and jika anda mengambil

- ubat untuk menurunkan tekanan darah
- ubat diuretic (untuk membuang cecair berlebihan dalam badan)
- ubat untuk merawat masalah mati pucuk

Cara menggunakan MIZOSIN TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan dengan teliti. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor, atau ahli farmasi untuk mendapatkan bantuan.

Tekanan darah tinggi (hipertensi):

Biasanya dos permulaan ialah 0.5mg (separuh daripada 1mg tablet) diambil dua kali sehari dan ditingkatkan kepada 1mg diambil dua (2) atau tiga (3) kali sehari. Doktor anda akan meningkatkan dos tersebut kepada 20mg sehari, dan dibahagi kepada beberapa dos dalam sehari.

Kegagalan jantung:

Biasanya dos permulaan ialah 0.5mg (separuh daripada 1mg tablet) ditingkatkan kepada 4mg sehari, dibahagi kepada tiga (3) atau empat (4) dos. Doktor anda akan meningkatkannya kepada 20mg sehari, dan dibahagi kepada beberapa dos dalam sehari.

Penyakit Raynaud:

Biasanya dos permulaan ialah 0.5mg (separuh daripada 1mg tablet) diambil dua (2) kali

sehari. Doktor anda akan meningkatkannya kepada 1mg atau 2mg, diambil dua (2) kali sehari.

Penyakit hyperplasia benigna prostatic (BPH):

Biasanya dos permulaan ialah 0.5mg (separuh daripada 1mg tablet) diambil dua (2) kali sehari. Doktor anda akan meningkatkannya kepada 2mg, diambil dua (2) kali sehari.

Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada keadaan penyakit dan tindakbalas anda terhadap ubat tersebut, doktor anda mungkin akan mengarahkan anda mengambil sukatan dos yang lain.

- Bila perlu digunakan

Ambil MIZOSIN TABLET seperti yang disyorkan oleh doktor anda.

- Berapa lama untuk digunakan

Teruskan mengambil MIZOSIN TABLET seperti yang doktor anda syorkan. Jika simptom penyakit tidak hilang, dapatkan nasihat doktor anda. Adalah penting untuk melengkapkan antibiotik sepenuhnya; jangan berhenti mengambil tablet awal jika anda berasa lebih baik.

- Jika anda lupa menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya. Ambil dos terlepas sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga waktu mengambil ubat itu dan langkau dos yang tidak diambil. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tidak diambil.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat

anda, jika anda menganggap anda atau sesiapa mungkin mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa anda menggunakan MIZOSIN TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil MIZOSIN TABLET.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil MIZOSIN TABLET.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin mula mengambil ubatan lain ketika anda sedang mengambil MIZOSIN TABLET

- Perkara yang tidak boleh anda lakukan

- Jangan mengambil MIZOSIN TABLET melebihi dos yang disyorkan oleh doktor dan ahli farmasi anda.
- Jangan mengambil ubatan baru tanpa nasihat doktor atau ahli farmasi.
- Jangan beri MIZOSIN TABLET anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.
- Jangan mengambil MIZOSIN TABLET untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan memandu kereta atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana MIZOSIN memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, MIZOSIN TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya. Sekiranya kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat dan rujuk kepada doktor.

Beritahu doktor anda jika anda melihat mana-mana kesan sampingan berikut atau perhatikan apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Rasa pening atau pait ketika bangun berdiri
- Denyutan jantung berdebar-debar
- Bengkak tangan, kaki dan pergelangan kaki
- Rasa loya, muntah atau mulut kering
- Lemah atau tidak bermaya
- Sakit kepala atau rasa mengantuk
- Penglihatan kabur
- Hidung tersumbat
- Jantung berdenyut laju, sakit dada, pegangan
- Kulit beruam, gatal-gatal atau lain-lain masalah kulit
- Sakit dalam perut atau bahagian belakang
- Rasa semut-semut

Kesan-kesan sampingan di atas biasanya agak ringan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda merasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan MIZOSIN TABLET

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya. Simpan di tempat yang dingin. Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubatan tidak boleh dibuang melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara pelupusan ubatan yang betul. Langkah ini boleh membantu menjaga alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

MIZOSIN TABLET 1MG:
Oren, 7mm bulat, biconvex, dengan skor '1' di satu sisi dan polos di sisi lain, tablet yang tidak dilapisi.

MIZOSIN TABLET 2MG:
Putih, bulat 8 mm, biconvex, dengan skor '2' di satu sisi dan polos di sisi lain, tablet yang tidak dilapisi.

- Kandungan ubat

- Bahan aktif:

MIZOSIN TABLET 1MG

- Prazosin Hydrochloride

MIZOSIN TABLET 2MG

- Prazosin Hydrochloride

- Bahan tidak aktif:

MIZOSIN TABLET 1MG

- Sunset Yellow
- Sodium Lauryl Sulphate
- Starch 1500
- Microcrystalline Cellulose 101
- Dibasic Calcium Phosphate Anhydrous
- Deionised Water
- Sodium Starch Glycolate
- Magnesium Stearate

MIZOSIN TABLET 2MG

- Sodium Lauryl Sulphate
- Starch 1500
- Microcrystalline Cellulose 101

- Dibasic Calcium Phosphate Anhydrous
- Deionised Water
- Sodium Starch Glycolate
- Magnesium Stearate

- Nombor-nombor MAL

MAL19910141AZ
MAL19910074AZ

Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang

Duopharma (M) Sdn. Bhd. Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Nombor Siri:

NPRA(R2/1)200622/464

Tarikh kemaskini RIMUP

23/06/2020